

PANDUAN MENULIS JURNAL REFLEKSI LATIHAN INDUSTRI

1.0 PENDAHULUAN

Penulisan Jurnal Refleksi Latihan Industri adalah salah satu elemen penilaian. Penilaian Jurnal Refleksi Latihan Industri adalah 20% dari keseluruhan penilaian Latihan Industri. Pelajar diwajibkan mencatat aktiviti harian yang dilaksanakan di organisasi latihan. Pelajar perlu menulis refleksi dan mendapatkan pengesahan dan maklumbalas dari Penyelia Industri (*Supervisor*) setiap minggu. Penyelia Industri (*Supervisor*) yang akan menilai Jurnal Refleksi Latihan Industri pelajar.

2.0 PERKARA YANG BOLEH DITULIS DALAM JURNAL REFLEKSI LATIHAN INDUSTRI

1.1 Berikut adalah perkara yang boleh ditulis dalam Jurnal Refleksi Latihan Industri :

1.1.1 Kerja-kerja yang dilakukan sendiri oleh pelajar.

1.1.2 Kerja-kerja yang dilihat oleh pelajar (Kerja yang dilakukan oleh pekerja organisasi).

1.2 Kerja-kerja yang didengar oleh pelajar (Penerangan yang diberikan oleh Penyelia Industri (*Supervisor*) atau pekerja organisasi yang lain).

3.0 CARA-CARA MENULIS JURNAL REFLEKSI LATIHAN INDUSTRI

1.1 Kerja yang dilakukan sendiri oleh pelajar.

1.1.1 Tulis kerja yang dilakukan dari mula hingga akhir dengan terperinci dan jelas.

1.1.2 Setiap penerangan yang ditulis hendaklah dibantu dengan lakaran gambarajah yang berkaitan

1.2 Kerja yang dilihat oleh pelajar

Ada sesetengah kerja, terutamanya yang bahaya atau yang memerlukan kemahiran tinggi untuk melakukannya, pihak organisasi tidak membenarkan pelajar untuk melakukannya. Pelajar hanya dibenarkan untuk memerhatikan sahaja kerja-kerja tersebut dilakukan oleh pekerja-pekerja organisasi yang telah mahir. Oleh itu pelajar hendaklah memerhatikan dan menuliskan dengan teliti setiap langkah yang dilakukan oleh pekerja organisasi tersebut. Anggaphlah bahawa apa yang dilakukan oleh pekerja berkenaan sebagai satu pengalaman untuk mendapatkan kemahiran melalui pemerhatian sahaja.

1.3 Kerja yang didengar oleh pelajar

Ada sesetengah kerja amat merbahaya untuk dilakukan oleh pelajar, maka pihak organisasi hanya memberi penerangan sahaja tentang kerja-kerja yang perlu dilakukan. Oleh itu pelajar dikehendaki mencatatkan apa yang diterangkan dan anggaphlah penerangan yang diberikan itu sebagai satu pengalaman kerja pelajar.